



SAIFULLIZAN TAMADI | BERITA HARIAN

PESERTA BARU: Tan Lee Fong (kanan) memakaikan tanda nama kepada pelajar baru UMT yang akan mengikuti Program Minggu Jalinan Mesra.

2,039 penuntut daftar masuk UMT

BH 03/07/07 PG. B8

KUALA TERENGGANU: Seramai 40 daripada 2,039 penuntut yang mendaftar di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) semalam mengambil kursus Sarjana Muda Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim yang ditawarkan mulai tahun ini.

Kursus di bawah Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin itu ditawarkan selepas UMT dinaikkan taraf dari Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) awal tahun ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Abd Majid Mohd Isa, berkata seramai 2,039 pelajar ditawarkan tempat di UMT yang menawarkan 25 program pengajian di empat fakulti.

“Keluarga dan kawan banyak memberi dorongan kepada saya untuk melanjutkan pelajar di UMT”

Dr Abd Majid Mohd Isa
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal
Pelajar dan Alumni UMT

“Seramai 1,889 pelajar mengikuti program peringkat ijazah pertama, manakala 150 diploma,” katanya pada sidang media selepas Minggu Jalinan Mesra UMT, di sini.

Beliau berkata, jumlah pengambilan pelajar UMT meningkat 139 orang berbanding 1,900 tahun lalu.

Katanya, seramai 6,000 pelajar kini mengikuti pengajian di UMT dan jumlah itu dijangka meningkat kepada 10,000 menjelang 2010.

Sementara itu, pelajar baru Fakulti Perakaunan, Tan Lim Lee, 19, berkata beliau gembira dapat melanjutkan pelajaran ke UMT kerana persekitarannya cantik dan banyak kemudahan disediakan.